

Penyampai : DATO SERI DR SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
Tajuk : MAJLIS PENUTUP PROGRAM `CYBER CAMP' 2001
Lokasi : UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, SINTOK
Tarikh : 28-05-2001

Syukur ke-hadrat Allah kerana dengan limpah dan kurnia- Nya dapat kita bertemu pada hari ini dalam Majlis Perasmian Penutup `Cyber Camp' anjuran Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu dan Universiti Utara Malaysia (UUM) yang pertama kali diadakan oleh Pusat Pendidikan Komuniti Parlimen Kubang Pasu atau ringkasnya PPKPKP.

2. Saya percaya program `Cyber Camp' 2001 ini adalah program yang julung kalinya dianjurkan di negara ini.

Selama ini kita telah mendengar dan melihat kehadiran `Summer Camp' untuk pelajar yang dianjurkan pada musim cuti.

3. Kali ini pusat pendidikan komuniti Parlimen Kubang Pasu mempelopori satu lagi aktiviti musim cuti sekolah iaitu `Cyber Camp'. Dalam program ini peserta menyertai tiga pakej utama iaitu: "Pembelajaran Komputer, Motivasi dan Kembara".

4. Kelas intensif komputer diadakan bagi mendedahkan pelajar yang kurang celik komputer dengan pembelajaran asas komputer, manakala yang celik komputer pula akan didedahkan dengan perisian yang mustahak diketahui oleh para pelajar. Selain itu, peserta `Cyber Camp' juga diberikan motivasi bagi meningkatkan kesedaran tentang pentingnya pendidikan kepada generasi muda. Pembentukan peribadi dan sikap adalah penentu kejayaan masa depan negara. Sikap yang negatif terhadap peripentingnya pendidikan menyebabkan ramai pelajar tersasar jauh dari matlamat negara. Satu lagi modul yang diperkenalkan dalam `Cyber Camp' ini ialah kembara yang melengkapkan peserta `Cyber Camp' dengan aspek psikomotor atau pelakuan hasil dari dua modul tadi iaitu "Pembelajaran Komputer dan Motivasi".

5. Pada hari ini pengetahuan dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau ICT adalah penting bagi generasi muda. Ianya wajib dipelajari dalam zaman global ini. Saya amat sedar betapa kawasan luar bandar lewat menerima perubahan teknologi, oleh sebab itu peranan pusat pendidikan komuniti seperti yang ada di Kubang Pasu ini amat penting dalam merapatkan jurang antara bandar dan luar bandar.

6. Program kaunseling juga telahpun dimulakan dengan kerjasama Majlis Kaunselor Daerah Kubang Pasu. Saya amat mengharapkan program kaunseling remaja dan kerjaya dapat dianjurkan demi kepentingan golongan remaja di daerah ini khususnya.

7. Saya juga difahamkan pusat pendidikan komuniti Parlimen Kubang Pasu ini akan menganjurkan kelas bimbingan intensif bagi mata pelajaran bahasa Inggeris, matematik dan bahasa Malaysia untuk pelajar kelas peperiksaan seperti SRP dan SPM. Saya amat yakin pusat ini dapat membantu pelajar-pelajar miskin dan kurang mampu mendapatkan khidmat bimbingan intensif. Untuk itu saya ingin mengingatkan betapa bahasa Inggeris menjadi begitu penting dalam dunia yang global ini.

8. Saya ingin merakamkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada tenaga sukarela dari pelbagai institusi pendidikan di daerah Kubang Pasu ini yang terlibat dalam penganjuran `Cyber Camp' 2001 ini. Semoga kebangkitan semangat sukarela di kalangan cerdik pandai ini menjadi pencetus bagi menggamit lebih ramai lagi tenaga akademik bergelumang membangunkan anak bangsa. Kita sudah makin kebendaan dan hidup mencari keseronokan atau hedonism, kesedaran untuk kembali semula kepada nilai murni masyarakat kita amat perlu.

9. Saya mengucapkan syabas juga kepada UUM yang menjadi penyumbang besar kejayaan pusat pendidikan komuniti ini. Selain daripada menyediakan kepimpinan, UUM juga bertanggungjawab menguruskan pembentukan makmal komputer pusat pendidikan komuniti ini. Malah saya difahamkan dengan bantuan dan kerjasama pusat komputer UUM, pusat pendidikan komuniti akan memperkenalkan satu lagi program iaitu bengkel pemasangan dan membaikpulih komputer untuk Belia daerah ini.

10. Adalah penting kita sentiasa cemerlang dalam apa juga bidang yang diceburi. Jika kita kurang ilmu, mempunyai nilai peribadi yang rendah, keruntuhan moral, pelanggaran disiplin sekolah, tidak mempunyai jati diri yang tinggi serta nilai-nilai negatif yang lain ianya akan membawa kepada keruntuhan negara pada masa hadapan. Sikap dan sahsiah yang membanggakan disiplin yang baik serta pencapaian akademik yang cemerlang di kalangan remaja mencerminkan bahawa negara mempunyai potensi untuk membangun dan maju dengan lebih pesat. Justeru itu peliharalah akhlak dan disiplin anda sepanjang masa bagi menjamin keutuhan dan kecemerlangan anda sebagai pelajar.

11. Akhir kata saya juga berharap saudara/saudari memanfaatkan ilmu yang telah dipelajari daripada perkhemahan siber yang telah saudara/saudari lalui selama 3 hari di UUM ini untuk tujuan pendidikan dan pembangunan kerjaya saudara/saudari sebagai pelajar. Saya mengucapkan selamat maju jaya dalam bidang yang diceburi.

12. Tidak ketinggalan juga saya ingin rakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya kepada Yang Berbahagia Dato' Azmi Khalid, Menteri Pembangunan Luar Bandar yang telah sudi menyumbangkan sejumlah peruntukan yang banyak bagi membiayai yuran 150 orang peserta seminar yang terdiri daripada kelompok PPRT.

13. Saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak ahli jawatankuasa yang telah bertungkus-lumus merealisasikan perkhemahan ini khususnya kepada pihak UUM. Terima kasih juga kepada penderma-penderma lain yang turut memberikan sumbangan dalam menjayakan program ini. Semoga Allah sahaja yang membalasnya. Terima kasih sekali lagi, tahun hadapan berjumpa lagi.

14. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, saya dengan ini menutup dengan rasminya program "Cyber Camp" pada kali ini.